

Prinsip Islam dalam Sembelihan di Rumah Sembelihan Gong Badak

BITARAVolume 1, Issue 3, 2018: 098-109
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Islamic Principles in Slaughtering at Gong Badak Abattoir]

Hussein Mat Razali¹ & Anas Mohd Yunus¹

Abstrak

Sembelihan binatang merupakan perkara penting dalam kalangan umat Islam. Ini kerana ia menentukan sama ada dagingnya boleh dimakan atau tidak. Oleh itu, sembelihan binatang mestilah menurut prinsip Islam agar dagingnya boleh dimakan oleh orang Islam yang menjadi majoriti penduduk Malaysia. Namun prinsip-prinsip tersebut tidak dinyatakan secara zahir di rumah sembelihan. Oleh itu, tulisan ini memaparkan prinsip Islam dalam sembelihan di premis tersebut. Kajian yang dijalankan di rumah sembelihan Gong Badak mempunyai standard yang sama dengan rumah-rumah sembelihan yang lain di Malaysia. Kajian mendapati amalan sembelihan di rumah sembelihan Gong Badak adalah menepati prinsip-prinsip Islam. Sehubungan itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan definisi sembelihan menurut syarak, hikmah sembelihan, prinsip Islam dalam proses sembelihan, cara pemeriksaan keadaan kesihatan binatang sembelihan, alat sembelihan, kaedah sembelihan binatang korban di Abattoir dan proses pembersihan selepas sembelihan korban di Kompleks Abattoir Gong Badak. Dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana data-data dan maklumat yang dikumpulkan dalam bentuk dokumen dan temu bual akan dianalisis dalam bentuk kaedah analisis kandungan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat memberi penjelasan kepada masyarakat bahawa pengurusan sembelihan di Kompleks Abattoir Gong Badak adalah mengikut piawaian syarak.

Kata Kunci

Prinsip, Sembelihan, Binatang, Syarak

Abstract

The killing of livestock is an important matter for Muslims. It's because it decides how the meat can be consumed. Therefore, slaughtering animals must comply with Islamic values so that the meat can be eaten by Muslims who make up the majority of the population of Malaysia. Nevertheless, these values are not clearly specified in abattoirs. Accordingly, this text represents the concepts of Islam in the context of slaughter on-premises. Studies in Gong Badak have similar requirements to other abattoirs in Malaysia. Research has found that the method of slaughtering Gong Badak abattoir is in line with Islamic values. In this respect, the goal of this project is to explain the concept of slaughter according to the Syariah, the wisdom of slaughtering, the Islamic principles of slaughtering, how to test the condition of slaughtering animals, the tools of slaughtering animals, the methods of slaughtering animals in Abattoir and the process of cleaning victims after slaughtering at the Gong Badak Abattoir Complex. This research uses qualitative approaches in which data and information gathered in the form of documents and interviews are analyzed in the form of content analysis

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

Anas Mohd Yunus, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.
E-mail: anas@unisza.edu.my

approaches. This study will, therefore, demonstrate to the public that slaughter management at the Gong Badak Abattoir Complex complies with Islamic norms.

Keywords

Principles, Slaughter, Animals, Sharia

Cite This Article:

Hussein Mat Razali & Anas Mohd Yunus. 2018. Prinsip Islam dalam sembelihan di rumah sembelihan Gong Badak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(3): 098-109.

Pengenalan

Sembelihan ialah mematikan binatang yang halal dimakan dengan cara memutuskan halkum dan mari'. Halkum adalah saluran pernafasan dan mari' adalah saluran makanan dan minuman. Binatang yang disembelih akan mati apabila kedua-dua saluran ini diputuskan. Sekiranya salah satu sahaja yang diputuskan, maka binatang yang disembelih itu tidak halal dimakan. Penyembelihan cara ini diwajibkan dalam keadaan mampu dilakukan, sebaliknya jika tidak mampu, maka penyembelihan boleh dilakukan melalui salah satu daripada dua cara berikut iaitu pemburuan dan selain daripada kaedah pemburuan. Selain itu, dalam ibadah sembelihan, terdapat rukun dan syarat yang perlu dipatuhi oleh penyembelih ketika hendak sembelih binatang bagi menentukan sembelihan tersebut sah atau tidak sah. Ini kerana, sembelihan adalah urusan ibadah yang mana dilaksanakan semata-mata kerana Allah SWT. Sehubungan itu, sembelihan yang dilakukan oleh orang Islam perlu mengikut piawaian syarak yang telah digariskan. Justeru, tulisan ini menyorot amalan sembelihan di Kompleks Abatoir Gong Badak bagi menentukan pelaksanaan prinsip-prinsip sembelihan yang telah ditetapkan oleh syarak bagi memastikan sembelihan binatang tersebut halal dimakan oleh orang Islam.

Definisi Sembelihan Menurut Syarak

Penyembelihan adalah salah satu cara untuk mematikan binatang dan menghalalkan dagingnya. Penyembelihan menurut bahasa ialah *al-Taṭyib* (التطيب) iaitu mengelokkan. Pengertian kedua adalah *al-Tatmin* (التميم) membawa maksud menyempurnakan iaitu menyempurnakan apa yang diharuskan dengan cara penyembelihan. Penyembelihan dari segi bahasa bererti potong atau belah bagi menghilangkan nyawa binatang (Mustafa et al., 2009).

Penyembelihan dari segi syarak pula bermaksud menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan menggunakan alat yang tajam selain daripada kuku, gigi dan tulang untuk membolehkan binatang itu halal dimakan oleh orang Islam. Manakala definisi *al-Dhabaih* (الذبايح) ialah kata jamak *Dhabihah* (ذبيحة) yang bermakna binatang yang disembelih. Yang membawa maksud binatang yang disembelih hendaklah mengikut panduan syarak dengan syarat yang ditetapkan dan daripada binatang yang halal dimakan (Mustafa et al. 2009).

al-Tadhkiyah (التذكية) pula ialah menyembelih binatang dilehernya atau dihalkumnya sekiranya binatang tersebut boleh dikuasai atau dengan mana-mana tetapan yang boleh menamatkan nyawanya sekiranya ia tidak dapat dikuasai seperti binatang yang diburu. *al-*

Dhabhu (الذبح) ialah memotong perkara yang boleh membawa maut di batang leher sama ada ia memenuhi syarat-syaratnya atau tidak. Oleh itu, *al-Dhabhu* adalah salah satu jenis *al-Tadhkiyah* yang tidak terikat sama ada ia mengikut panduan syarak yang betul atau tidak. *Al-Tadhkiyah* meliputi *al-Dhabhu* dan selainnya yang memenuhi syarat-syarat yang mesti dipenuhi untuk menjadikan binatang sembelihan itu halal dimakan (Mustafa et al. 2009).

Selain itu, sembelihan terbahagi kepada beberapa jenis. Antaranya *al-Dhabhu*, *al-Nahru* (النحر) dan *al-'Aqru* (العقر). *al-Dhabhu* ialah memotong *al-Halqu* (الحلق) iaitu batang leher sebelah atas binatang dengan syarat-syaratnya yang mana menyembelih semua jenis binatang yang boleh ditangkap yang dikuasai oleh manusia untuk disembelih. *al-Nahru* ialah memotong *labbah* iaitu batang leher sebelah bawah binatang. *al-'Aqru* pula dinamakan sebagai sembelihan terpaksa kerana dalam keadaan darurat. Ia dilakukan dengan cara mencederakan binatang dengan kecederaan yang membawa maut pada mana-mana bahagian badannya. Justeru itu, *al-'Aqru* adalah cara menyembelih binatang yang boleh dimakan apabila ia mati menjadi liar dan tuannya tidak boleh menangkapnya (Mustafa et al. 2009).

Hikmah Sembelihan

Terdapat banyak hikmah sembelihan sekiranya sembelihan binatang mengikut cara Islam. Antaranya, untuk menjadikan binatang tersebut halal dimakan berdasarkan asas *ta'abbudi* iaitu peribadatan semata-mata dan tidak berdasarkan atas sesuatu *'illah* iaitu sebab yang lain. Oleh itu, hikmah sembelihan ialah semua syariat dan agama mengharamkan bangkai binatang dan menghukumnya adalah najis. Oleh sebab itu, semestinya terdapat perbezaan antara binatang yang mati menjadi bangkai dan najis dengan binatang yang disembelih mengikut cara Islam. Dalam syariat Islam telah menetapkan bahawa darah adalah najis dan wajib dijauhi kerana mengadungi kemudharatan. Bahkan kematian binatang dengan cara dicekik dan sebagainya akan menyebabkan darah menjadi beku dalam jasad binatang tersebut (Mustafa et al. 2009).

Selain itu, penyembelihan merupakan satu-satunya cara untuk mengeluarkan darah yang bercampur dengan daging dan bahagian-bahagian lain yang terdapat pada binatang yang disembelih. Darah ialah najis dan haram memakannya. Jika binatang dimatikan tanpa disembelih, maka darah akan kekal berada pada daging dan semua bahagian dalam badannya. Darah yang kekal pada binatang yang tidak disembelih akan menyebabkan kemudharatan dan berpenyakit. Oleh itu, memakan daging binatang yang tidak disembelih mededahkan kita kepada penyakit dan kemudharatan. Bahkan sebahagian ulama menyatakan bahawa hikmah disyariatkan penyembelihan dan mengalirkan darah ialah membezakan daging dan lemak yang halal daripada daging dan lemak yang haram, juga memberi peringatan bahawa diharamkan bangkai kerana darah masih kekal didalamnya (Ahmad 2015).

Manakala, terdapat hikmah sembelihan binatang cara Islam dari sudut sains. Menurut Dr. Zakir Abdul Karim Naik, hikmah sembelihan cara Islam dari sudut sains iaitu perkataan *Zakkaytum* adalah daripada perkataan *zakka* yang membawa makna mensucikan. Penyembelihan binatang cara Islam menghendaki pematuhan syarak iaitu pertama, binatang disembelih dengan objek yang tajam iaitu menggunakan pisau yang tajam supaya binatang mati cepat dan serta merta. Kedua dikerat salur udara, kerongkong dan saluran darah leher meyebabkan kematiannya tanpa dikerat gentian saraf di dalam tulang belakang, ketiga darah perlu disalurkan bertujuan mengeluarkan sebahagian besar darah yang akan menjadi

mikroorganisma. Gentian saraf tulang belakang tidak boleh dikerat kerana ini boleh merosakkan gentian saraf ke jantung semasa proses itu dan mengakibatkan jantung terhenti dan menghentikan darah ke salur darah.

Oleh itu, antara hikmah lain yang tercatat dalam tulisan tersebut ialah pertama, darah adalah boleh membawa kepada kuman dan bakteria. Ini kerana, darah-darah yang mengandungi toksin beracun ini bakal dibuang jika disembelih dengan cara penyembelihan cara Islam. Kedua, daging kekal segar untuk tempoh masa lebih lama kerana pengurangan darah pada daging berbanding cara sembelihan lain. Ketiga, binatang tidak merasai kesakitan semasa disembelih. Ini kerana, keratan pantas salur darah pada leher menghentikan pengaliran darah ke saraf otak yang menyebabkan kesakitan. Binatang tersebut tidak merasai kesakitan ketika hampir mati. Binatang itu meronta, menggeleng, menggeletar dan menendang bukan kerana sakit tetapi akibat penegangan dan pengenduran otot yang kekurangan darah dan akibat pengaliran keluar darah daripada badan (Syaheerah 2009).

Prinsip Islam dalam Proses Sembelihan di Abatoir

Terdapat beberapa prinsip dalam proses sembelihan di Abatoir yang mana cara pemeriksaan kesihatan dilakukan terlebih dahulu di Kompleks Abatoir Gong Badak iaitu mengenal pasti binatang yang boleh disembelih ataupun tidak bagi menentukan sama ada binatang tersebut menghadapi jangkitan penyakit atau tidak. Terdapat tiga langkah pemeriksaan yang dibuat di Abatoir. Sebelum binatang tersebut dimasukkan ke dalam rumah sembelihan, mestilah mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) yang mengesahkan bahawa ternakan itu sihat dan layak untuk dibawa masuk di rumah sembelihan. Semasa di rumah sembelihan pula akan dibuat pemeriksaan kali kedua iaitu pemeriksaan luar. Setelah sembelihan, dibuat pemeriksaan bahagian organ binatang tersebut bagi menentukan organ ternakan tersebut tiada tanda-tanda penyakit dan daging tersebut selamat dimakan atau dijual (Musa 2017). Namun, dalam tulisan ini, tiga prinsip ditumpukan bagi menilai pelaksanaan sembelihan di rumah sembelihan Gong Badak. 1) prinsip kebersihan, 2) prinsip kuarantin *al-Jallalah* dan 3) prinsip *Halalan Tayyiban*.

Prinsip Kebersihan daripada Iman

Prinsip kebersihan sangat penting ketika melakukan penyembelihan binatang. Terdapat sebuah riwayat Muslim daripada Nabi SAW iaitu “Suci itu sebahagian daripada iman” (al-Nawawi, 1996). Hadis tersebut bermakna suci daripada hadas dan bersih daripada najis dan kotoran sama ada tubuh badan, pakaian, makanan dan segala yang berkaitan dengan hidup kita adalah berkait rapat dengan iman seseorang. Oleh itu, individu yang beriman mempunyai perhatian khusus terhadap kebersihan. Bahkan ia juga mengandungi pengertian kesucian jiwa seorang mukmin.

Seseorang yang terlibat dalam proses sembelihan di rumah sembelihan Gong Badak, mestilah memakai pakaian khas yang disediakan oleh rumah tersebut. Pakaian tersebut disediakan dengan menitik beratkan kebersihan. Selain itu, premis penyembelihan dan pemprosesan karkas juga mestilah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan Akta Rumah Penyembelihan 1993 daripada lokasi, sekitaran, lantai, dinding, pintu, siling, peralatan dan lain-lain. Kemudian, setelah selesai proses sembelihan binatang, sisa pertama seperti sisa darah akan

dibasuh dan dialirkan dalam longkang khas. Longkang khas itu disambung terus ke dalam kolam kumbahan sisa darah dan sisa-sisa lain. Sisa kedua seperti najis yang mana disediakan satu tempat pengumpulan najis dan akan dikeringkan najis tersebut untuk dibuat baja. Sisa-sisa lain seperti tulang dan lemak akan dilupuskan oleh majlis bandaraya yang mana pihak majlis bandaraya mengambil sisa ini dan akan dilupuskan di tempat pelupusan sampah (Musa 2017).

Binatang sembelihan juga akan dilapah serta merta dan setelah daging diperolehi, ia tidak akan dibiarkan di atas lantai. Ia akan digantung dengan cangkuk yang menghubungkannya ke bilik pemprosesan tulang dan daging. Bilik ini berhawa dingin tidak melebihi 820c. di sini, pemeriksaan dilakukan untuk menentukan karkas adalah bebas penyakit. Justeru, Islam mengiktiraf langkah-langkah yang terdapat di Rumah Sembelihan Gadak dan menepati prinsip-prinsip umum kebersihan dalam Islam.

Prinsip Kuarantin al-Jallalah

Dalam bahasa Arab, binatang yang makan najis dan benda kotor dinamakan *Jallalah*. Manakala *Jillah* bermaksud tahi dan binatang yang memakannya dinamakan *Jallalah*. Antara binatang yang gemar memakan najis dan benda kotor ialah unta, lembu, kambing dan ayam. Hukum memakan binatang jallalah adalah halal (Ahmad 2015). Walaubagaimanapun berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar, terdapat perbincangan ulama mengenainya:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ لُحُومِ الْجَلَّالَةِ، وَالْبَانِيهَا.

Maksudnya: Daripada Ibnu Umar dengan berkata: Rasulullah SAW telah melarang memakan daging dan susu binatang Jallalah”.

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa walaupun Rasulullah SAW melarang daripada memakan daging binatang *Jallalah* dan susunya. Namun, larangan itu tidak menunjukkan hukum haram memakannya, sebaliknya hanya menunjukkan makruh. Jika dagingnya halal dimakan, maka susu dan telurnya juga haram dimakan. Binatang *Jallalah* yang memakan terlalu banyak najis dan kotoran akan menyebabkan dagingnya berbau busuk. Oleh itu, dalam keadaan ini ia menjadi makruh untuk dimakan. Jika dikurung binatang *Jallalah* selepas nyata bau busuknya, kemudian diberi makan makanan yang bersih kemudian bau busuknya sudah hilang, kemudian disembelih, maka hukum memakannya tidak lagi makruh.

Selain itu, tiada tempoh masa khusus untuk mengurung binatang *Jallalah*. Begitu juga, tiada kadar tertentu makanan yang bersih yang diberi kepada binatang *Jallalah*. Yang penting tujuan mengurung dan memberi makanan bersih kepada binatang *Jallalah* adalah untuk menghilangkan bau busuk dagingnya. Oleh itu, jika tujuan telah tercapai, maka memakan binatang *Jallalah* tidak lagi makruh (Ahmad Faisol, 2015). Sebagaimana disebut dalam kitab *al-Mughnī al-Muhtāj*, tempoh memberi makan makanan bersih kepada binatang *Jallalah* ialah selama empat puluh hari (al-Sharbini, t.th).

Justeru itu, binatang *Jallalah* disembelih tanpa memberi makan makanan bersih terlebih dahulu. Manakala bau dagingnya yang busuk dihilangkan dengan cara membasuh atau merebusnya, maka hukum memakannya tetap makruh. Oleh itu, binatang yang memakan najis dikira *Jallalah* melalui salah satu daripada perkara-perkara berikut. Pertama, jika didapati bau

najis pada saluran darah atau lainnya, maka binatang itu adalah *Jallalah*. Kedua, jika keseluruhan makanan yang dimakannya adalah najis dan benda kotor, maka binatang itu adalah *Jallalah*. Ketiga jika makanan yang dimakannya bercampur antara najis, benda kotor dan benda bersih, maka ia adalah *Jallalah* sekiranya kandungan najis dan benda kotor lebih banyak daripada benda yang bersih. Sebaliknya jika najis dan benda kotor dimakan sedikit sahaja dan benda bersih adalah makanan utamanya, maka binatang itu bukan *Jallalah* (Ahmad 2015).

Sehubungan itu, di Abatoir sebelum proses penyembelihan berlangsung, lembu tersebut hendaklah dibawa masuk ke tempat sembelihan selama lapan jam. Pihak Abatoir juga akan membuat pemeriksaan kedua yang dipanggil *anti motten* iaitu pemeriksaan luaran ternakan untuk mengesan sekiranya terdapat tanda-tanda penyakit seperti penyakit kuku mulut. Jika terdapat tanda-tanda penyakit kepada binatang ternakan tersebut, binatang tersebut akan dibuat pemeriksaan lanjut sama ada ditahan daripada disembelih atau disembelih pada akhir sekali (Musa 2017). Meskipun, penetapan 40 hari kuarantin dikenakan kepada binatang seperti lembu, ia adalah ijhtihad para ulama dan tidak qatie. Sehubungan itu, kuarantin 8 jam tersebut, walaupun tidak menepati pendapat ulama, ia dikira masih meraikan hadis tentang kuarantin tersebut.

Namun, sekiranya binatang tersebut berada dalam keadaan kecemasan, hendaklah diawalkan proses sembelihanannya. Selepas binatang tersebut disembelih, maka dilakukan pemeriksaan kedua iaitu pemeriksaan yang dipanggil *post mortem*. Maksudnya akan membuat pemeriksaan daging-daging peserta bagi menentukan bahawa ternakan yang disembelih itu berada dalam keadaan sihat dan tiada tanda-tanda penyakit. Jika lulus pemeriksaan kedua, akan dipasangkan tag atau cop pada daging itu untuk dibenarkan sembelih (Musa 2017).

Justeru, dalam Islam prinsip *al-Natnu* amat dititikberatkan. Binatang yang hendak disembelih mestilah bebas daripada binatang yang makan tahi kerana tahi adalah najis dan kotor. Selain itu juga bebas daripada sebarang penyakit kerana boleh mendatangkan kemudaratan. Pemeriksaan ke atas binatang sembelihan amat penting bagi menjaga kualiti daging itu sendiri.

Prinsip Halalan Tayyiban

Ketiga adalah prinsip *Halalan Toyyiban* yang mana binatang sembelihan mestilah memakan yang halal sahaja kerana mematuhi perintah Allah SWT dan tidak memakan yang haram kerana meninggalkan larangan Allah SWT. Secara umumnya, makanan yang halal ialah segala yang lazat dan baik-baik. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 4:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah makanan yang dihalalkan bagi mereka? Bagi menjawabnya katakanlah: Dihalalkan bagi kamu memakan yang lazat-lazat serta baik.

Menurut al-Sharbini dalam kitab *al-Mughni al-Muhtaj* menjelaskan maksud *Tayyibat* iaitu yang baik-baik dalam ayat ini ialah apa-apa sahaja yang baik untuk tubuh badan dan ada keinginan badan terhadapnya. Perkataan *Taiyyib* iaitu yang baik dalam ayat tersebut

menunjukkan empat perkara (al-Sharbini, t.th). Pertama, halal iaitu makanan yang baik sudah pasti halal. Firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ٥١

Maksudnya: Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Jika makanan yang baik adalah halal, tentulah makanan yang halal adalah baik untuk dimakan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ١٦٨

Maksudnya: wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah setan; karena sesungguhnya setan itu adalah musuh yang nyata bagimu.

Kedua, bersih. Setiap yang baik pasti bersih. Firman Allah SWT dalam al-Maidah ayat 6:

فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا

Maksudnya: Maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu) yang bersih.

Ketiga, tiada kemudaratan. Kemudaratan pada tubuh badan seperti penyakit akan mudah terdedah apabila menjamah makanan yang haram. Sebaliknya kemudaratan dapat dielakkan apabila dijamah makanan yang halal. Keempat, sesuatu yang boleh diterima oleh badan iaitu kebiasaannya badan hanya menerima yang baik dan menolak yang tidak baik, maka yang baik adalah yang halal dan yang tidak baik adalah haram. Selain perintah memakan makanan yang halal yang disebut dalam surah al-Baqarah ayat 168. Ayat tersebut menunjukkan Allah SWT mengizinkan manusia memakan segala yang ada di muka bumi selagi makanan itu halal daripada Allah SWT dan *Tayyib*. Sehubungan itu, maksud *Tayyib* adalah baik dan bermanfaat bagi dirinya serta tidak membahayakan bagi jiwa raganya (al-Mubarakfuri, 2009). Selain itu, berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 4:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أَجَلٌ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah makanan yang dihalalkan bagi mereka? Bagi menjawabnya katakanlah: Dihalalkan bagi kamu memakan yang lazat-lazat serta baik.

Ayat di atas menunjukkan perkataan *al-Tayyibat* iaitu yang baik-baik adalah halal dan setiap yang haram bukanlah yang *Tayyib* iaitu baik. Namun menurut satu pendapat bahawa *al-Tayyibat* adalah sesuatu yang dianggap lazat oleh orang yang memakan dan meminumnya dan

ia tidak mempunyai kemudaran sama ada di dunia dan akhirat. Pendapat lain *al-Tayyibat* adalah yang disembelih. Hal ini kerana adanya penyambelian (al-Qurtubi, t.th).

Justeru, dalam Islam amat menitikberatkan empat prinsip *Halalan Tayyiban* yang perlu diambil kira oleh umat Islam semasa melakukan sembelihan iaitu pertama halal, kedua bersih, ketiga tiada kemudaran dan keempat sesuatu yang boleh diterima oleh badan iaitu kebiasaannya badan hanya menerima yang baik dan menolak yang tidak baik, maka yang baik adalah yang halal dan yang tidak baik adalah haram. Penumpuan isu ini di sini adalah kepada alat sembelihan, kaedah sembelihan dan kaedah tidak memudaratkan.

Alat Sembelihan di Abatoir

Alat sembelihan binatang adalah alat yang boleh melukakan disebabkan ketajamannya seperti yang diperbuat daripada besi, tembaga, timah, kaca, batu dan seumpamanya. Ini kerana sembelihan dianggap tidak sempurna apabila ia mati disebabkan hentakan dengan benda berat seperti dengan batu yang tidak tajam (Mustafa et al. 2009). Rasulullah SAW telah bersabda:

مَا أَنْهَرَ الدَّمَ، وَذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ فَكُلُوهُ، لَيْسَ السِّنُّ وَالظُّفْرُ.

Maksudnya: Apa yang mengalirkan darah dan disebutkan nama Allah atasnya makanlah ia selagi mana ia tidak menggunakan gigi dan kuku.

Oleh itu, mengalirkan darah iaitu menumpahkannya hanya berlaku dengan alat yang melukakan disebabkan ketajamannya. Manakala alat yang mematikan kerana hentakan beratnya maka ia tidak akan mengalir darah. Alat sembelihan itu bukan gigi ataupun kuku, tidak halal sembelihan yang menggunakan salah satu keduanya walaupun ia melukakan dan ketajamannya mengakibatkan mengalir semua darah. Ini kerana sembelihan dengan salah satu daripadanya telah dikecualikan dalam nas hadis (Mustafa et al. 2009).

Dalam hadis tersebut juga menunjukkan Rasulullah SAW mensyaratkan dalam sembelihan agar mengalir darah. Ini semua akan berlaku dengan memotong semua urat halkum dan merah. Nyawa akan hilang apabila keduanya dipotong dan kebiasaan binatang masih hidup apabila keduanya masih wujud. Bahkan, sekiranya memotong dengan cepat dan sekaligus boleh mengelakkan daripada sembelihan menjadi tidak sah (Mustafa et al. 2009). Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ، وَلْيَجِدْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلْيُرِخْ ذَبِيحَتَهُ. (رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Maksudnya: Daripada Abi Ya'la Shaddad Bin Aus RA, Daripada Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan supaya berbuat baik kepada segala sesuatu. Maka jika kamu membunuh, baik-baikkanlah pembunuhan itu. Dan jika kamu menyembelih, maka bagus-baguskanlah sembelihan itu. Hendaklah salah seorang diantara kamu menajamkan iaitu mengasah pisau pemotongnya dan menyenangkan binatang yang disembelihnya. (Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis di atas, Allah SWT mewajibkan supaya bersifat ihsan kepada semua binatang sembelihan ketika menyembelihnya iaitu berbuat baik. Bahkan menggunakan alat yang tajam adalah untuk mempercepat kematian binatang yang disembelih sebagai tanda ihsan kepada binatang korban (al-San'ani, 1428). Jumhur ulama juga mensyaratkan pada menyempurnakan sembelihan ialah binatang sembelihan segera disembelih untuk mengurangkan pederitaanya (al-Zuhayli, 1989).

Justeru, dalam Islam sembelihan hendaklah dilakukan dengan cara yang baik dan tidak menyiksa binatang tersebut. Alat sembelihan yang biasa digunakan adalah pisau. Namun, di Kompleks Abatoir Gong Badak mempunyai mesin khas untuk mengekang ternakan lembu sebelum disembelih. Mesin ini diimport daripada Australia bertujuan untuk mencengkam lembu sebelum disembelih. Dengan adanya mesin ini akan menjimatkan masa, tenaga dan lebih selamat untuk sembelihan binatang (Musa 2017).

Kaedah Sembelihan Korban di Abatoir

Terdapat beberapa kaedah yang dianjurkan oleh Islam semasa melakukan sembelihan. Sembelihan yang dilakukan di Abatoir adalah mengikut cara Islam. Cara yang digunakan dengan menyebut nama Allah sewaktu menyembelih seperti penyembelih berkata *Bismillah*. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 118:

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ ۝ ١١٨

Maksudnya: Maka makanlah dari sembelihan binatang-binatang halal yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika betul kamu beriman kepada ayat-ayatNya.

Sekiranya penyembelih tidak mengucapkan *Bismillah* sewaktu menyembelih sedangkan semua syarat sembelihan ada, maka tiada kesan sedikitpun. Ini kerana *Bismillah* dalam ayat al-Quran dan hadis hanyalah sunat hukumnya menurut ulama al-Shafi'iyah (Mustafa et al. 2009). Kedua adalah membaringkan sembelihan atas pinggul kiri binatang tersebut, membiarkan kaki kanannya bergerak setelah disembelih supaya binatang tersebut mendapat kerehatan dengan pergerakan itu. Kepalanya pula diangkat sedikit kemudian direbahkan binatang tersebut menggunakan tali yang sesuai, tempat yang sesuai serta tidak menyebabkan kecederaan kepada binatang dengan memastikan kebajikan binatang tersebut terjamin. Sembelihan tersebut hendaklah mengadap ke arah kiblat. Ini kerana, apabila sembelihan dihadapkan ke arah kiblat, maka penyembelih turut akan mengadap ke arah yang sama (Mustafa et al. 2009; al-Zuhaili, 2005). Ketiga, membaca Basmalah (بِسْمِ اللَّهِ) (al-Sharbini, 2008) atau membaca (بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهِ أَكْبَرُ) (al-Nawawi, 2000). Ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdillah al-Ansari RA (Ibnu Khuzaymah, Abu Muhammad bin Ishaq bin Khuzaymah bin al-Mughirah bin Salih bin Bakr al-Sulami al-Naysaburi, Kitab *Sahih Ibnu Khuzaymah*. Bab *Istihbab Taujihih al-Zabihah Li al-Kiblat*: 2899):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَبَّحَ يَوْمَ الْعِيدِ كَيْشَيْنِ، ثُمَّ قَالَ جِبِينَ وَجَهَهُمَا: إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ، إِنَّ صَلَاتِي

وَتُسْكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ أَمَرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ، بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ مِنْكَ وَلَكَ مِنْ مُحَمَّدٍ وَأُمَّتِهِ.

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdillah al-Ansari RA bahawa Rasulullah SAW menyembelih dua ekor kibas pada hari raya, kemudian baginda berkata ketika mengadap sembelihannya dengan berdoa:

وَجَهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ، إِنَّ صَلَاتِي وَتُسْكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ أَمَرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ، بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ مِنْكَ وَلَكَ عَنْ مُحَمَّدٍ وَأُمَّتِهِ

Keempat, cara sembelihan tersebut hendaklah membaca selawat ke atas Nabi SAW dan makruh menghimpun nama Allah dan Rasulnya (بِسْمِ اللَّهِ وَاسْمِ مُحَمَّدٍ) (al-Bajuri t.th.). Kelima, takbir sebelum atau selepas membaca (بِسْمِ اللَّهِ). Contohnya, (الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر والله الحمد) (al-Banjari, t.th.). Keenam, penyembelih hendaklah memegang kulit tengkuk binatang di bahagian bawah dagunya dan menariknya sehingga nampak jelas kulitnya. Ketujuh, meletakkan alat menyembelih di leher dengan memotong tempat saluran nafas yang keluar masuk iaitu halkum, tempat saluran makanan dan minuman iaitu *mari'* dan dua urat di leher kiri kanan binatang pula dipanggil *Wadajain* (al-Ghazali, 1997). Kelapan, penyembelih hendaklah dilakukan dengan segera dan tidak diselangi dengan melakukan amalan-amalan lain sehingga tidak menyakitkan binatang (al-Nawawi, 2003; al-Ghazali, 2001).

Selain itu, menurut al-Fatani dalam kitabnya *Matla' al-Badrayn Wa Majma' al-Bahrayn* terdapat beberapa perkara sunat dalam proses penyembelihan iaitu pertama, menajamkan pisau. Kedua memutuskan *al-Wadajain* iaitu dua urat saluran darah di leher. Ketiga, disembelih bahagian *labbah* iaitu batang leher sebelah bawah bagi binatang yang berleher panjang seperti unta, burung kansawari dan angsa. Keempat, mengadap leher binatang sembelihan ke arah kiblat supaya penyembelih juga mengadap kiblat. Terakhir menyebut nama Allah SWT dan selawat ke atas Nabi SAW seperti (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ: اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ) (al-Fatani, 1984).

Oleh itu, kaedah penyembelih mengikut syarak adalah binatang sembelihan yang jinak disembelih pada kerongkong dan leher yang bawah. Manakala, binatang yang liar yang tidak dapat disembelih maka sembelihannya cukup dengan melukai di mana sahaja yang dapat dilukai. Justeru sembelihan yang sempurna mencukupi empat perkara. Pertama memutuskan kerongkong, kedua memutuskan pembuluh tempat laluan makanan, ketiga dan keempat memutuskan leher kanan dan kiri. Akan tetapi dua perkara yang mesti dilakukan iaitu pertama memutuskan kerongkong dan kedua memutuskan pembuluh tempat laluan makanan. Oleh sebab itu, penyembelih mestilah menggunakan pisau yang tajam bukan yang tumpul, pisau tulang, batu tajam dan lain-lain yang adat kebiasaan adalah tumpul (al-Ghazi, 2005).

Konsep Berkaitan Tidak Boleh Ada Kemudaratan dan Tidak Boleh Memudaratkan

Dalam sembelihan tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh membahayakan diri sendiri atau orang lain. Berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abi Saïd al-Khudri RA:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ، مَنْ ضَارَّ ضَرَّهُ اللَّهُ، وَمَنْ شَاقَّ شَقَّ اللَّهُ عَلَيْهِ.

Maksudnya: Daripada Abi Said al-Khudrī bahawa Rasulullah SAW bersabda: Tidak boleh ada kemudaratan dan tidak boleh memudaratkan orang lain, barangsiapa membahayakan orang lain, maka Allah akan membalas bahaya kepadanya dan siapa menyusahkan atau menyulitkan orang lain, maka Allah SWT akan menyulitkannya.

Hadis di atas menunjukkan bahawa dihilangkan kemudaratan. Oleh itu, untuk menghilangkan kemudaratan kadangkala dapat dilakukan tanpa melibatkan mudarat kepada orang lain. Contohnya, memadam kebakaran atau menolong orang yang lemas atau mengembalikan yang dicuri dan sebagainya. Kadang-kadang melambatkan penangguhan kemudaratan yang lebih ringan daripadanya, kadang-kadang melambatkan kemudaratan baru yang serupa atau sama berat dengan kemudaratan yang hendak dihilangkan. Maka, masalah ini tidak dapat dijalankan kerana kemudaratan yang dihilangkan itu serupa dalam hak-hak terhadap orang yang akan menerima akibat, maka mengutamakan salah satu daripada yang lain adalah tidak adil. Contohnya, dua orang iaitu Ali dan Yusuf yang menghadapi penyakit yang sama dan ubat yang serupa tetapi ubat hak kepunyaan Ali, maka tidak harus diambil ubat Ali untuk diberi kepada Yusuf, begitu juga contoh orang yang terlalu lapar tidak harus memotong badannya untuk dimakan (Saleh 1976).

Seterusnya, hasil temu bual bersama Encik Musa Bin Hj. Mohammad yang merupakan pengurus Kompleks Abatoir Gong Badak, sebelum binatang korban dibawa masuk di Abatoir, pihak yang hendak menyembelih itu hendaklah mengambil SKV daripada Pejabat Daerah Veterinar yang terdekat. Sijil ini bertujuan untuk mengesahkan bahawa ternakan yang hendak disembelih telah diperiksa oleh pegawai tersebut dan disahkan sihat serta layak di sembelih (Musa 2017).

Justeru itu, dalam Islam amat menitikberatkan berkaitan binatang sembelihan yang boleh menyebabkan kemudaratan. Ini kerana, sembelihan yang dilakukan tidak boleh ada penyakit yang memudaratkan binatang tersebut kerana dibimbangi kemudaratan yang lebih besar iaitu kemudaratan kepada manusia sehingga timbul penyakit-penyakit yang tidak diingini sebagaimana disebut dalam hadis Nabi SAW yang menjadi kaedah di atas iaitu tidak boleh ada bahaya dan tidak boleh membahayakan orang lain. Oleh itu, dalam Islam tidak boleh melakukan sesuatu perkara yang boleh membahayakan diri sendiri atau orang lain. Sesuai dengan kaedah fiqh menyebut “Tidak Boleh Ada Kemudaratan dan Tidak Boleh Memudaratkan”.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pengurusan sembelihan binatang yang dilaksanakan di Komplek Abatoir Gong Badak adalah selari dengan piawaian syarak dan pegangan Mazhab Shafii. Pelaksanaan ini perlu mendapat kerjasama daripada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), masjid di sekitarnya dan badan-badan *Non Governmental Organization* (NGO) bagi merealisasikan cara sembelihan binatang berpandukan kaedah syarak khususnya di Terengganu. Justeru, sembelihan binatang di Komplek Abatoir Gong Badak ini dilihat relevan

kerana pengamalan yang dilaksanakan berdasarkan kaedah syarak dan dapat mengelakkan berlakunya sembelihan yang haram dimakan dan tidak patuh syarak.

Rujukan

- Ahmad Faisol. 2015. *Ibadah Mukmin: Sembelihan*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- al-Bajuri, Ibrahim. t.th. *Hasiyah al-Bajuri 'ala Ibnu Qasim al-Ghazi*. Jil. 2. Fatani: Maṭba' Bin Halabi.
- al-Banjari, Muhammad Arsyad bin Abdullah. t.th. *Sabil al-Muhtadin li al-Tafqahu Fi Amri al-Din*. Jil. 2. Faṭānī: Matba' Bin Halabi.
- Fatani, Muhammad bin Ismail Daud. 1984. *Mathla' al-Badrayn wa Majmu' al-Bahrayn*. Fatani: Mathba' Bin Halabi.
- al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 1997. *al-Wajiz fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Jil. 2. Bayrut: Sharikat Dar al-Arqam bun Abi al-Arqam.
- al-Ghazi, Abi Abdilllah Shams al-Din Muhammad bin Qasim Bin Muhammad. 2005. *Fathu al-Qarib al-Mujib Sharh Alfaz al-Taqrīb aw Qawl al-Mukhtar fi Sharh Ghayah al-Ikhtisar*. Edisi ke-5. Bayrut: Dar Ibnu Hazm li al-Tiba'a wa Nashr Wa Tauzi'.
- Hasan Saleh. 1976. *al-Qawa'dah al-Fiqhiyyah (Prinsip-Prinsip Fiqh Islam)*. Kelantan: Pustaka Aman Sdn. Bhd.
- Islamquest.net. 2012. Ilmu dirayah. 11 Disember. <http://www.islamquest.net/ms/archive/question/fa1276>
- al-Mubarakfuri, Shafiiyyu al-Rahman. 2009. *Sahih Tafsir Ibnu Kathir*. Jil. 1. Sa'udi: Pustaka Ibnu Kathir.
- Musa Mohammad. 2017. Hukum dan Pengurusan Agihan Ibadah Korban Menurut Syarak di Kawasan Kuala Nerus, Terengganu. Temu bual, 17 Disember.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji. 2009. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Shafi'i*. Jid. 1. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Abi Zakariya Mahyu al-Din Bin Sharaf. 2000. *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Jil. 8. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari t.th. *al-Jami' li al-Ahkam al-Quran Tafsir al-Qurtubi*. Jil. 6. al-Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- al-Sharbini al-Khatib, Muhammad. (2008). *Bijairimi 'ala Khatib al-Ma'ruf Iqna' fi Halli Alfaz Abi Shujaa'*. Jid. 4. Bayrut: Dar al-Fikr li al-Thibaa'h Wa Nashr wa al-Tauzi'.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khatib. t.th. *Mughni al-Muhtaj*. Jid. 6. al-Qahirah: Maktabat al-Tawfiqiyyah.
- ShauqiDaif. 2010. *al-Mu'jam al-Wasit*. Edisi ke-5. Misr: Maktabat al-Shuruq al-Dauliyyah.
- Syaheerah. 2009. Hikmah sembelihan binatang cara islam dari sudut sains. 5 September <https://thebest4u.wordpress.com/2009/09/05/hikmah-sembelihan-binatang-cara-islam-dari-sudut-sains/>
- al-Zuhaili, Wahbah. 2005. *al-Wajiz fi al-Fiqh al-Islami*. Jid. 1. Dimashq: Dar al-Fikr.